

Headline	160 rumah, 121 individu diperiksa dalam operasi bersepadu di Tawau		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	20 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	17,812
Page No	7	Readership	53,436
Language	Malay	ArticleSize	419 cm ²
Journalist	NAZRINI BADARUN	AdValue	RM 838
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,514



160 rumah, 121 individu diperiksa dalam operasi bersepadu di Tawau

OLEH NAZRINI BADARUN
(nazrini@newsabahtimes.com.my)

TAWAU: Sebanyak 160 rumah dan 121 individu diperiksa dalam operasi bersepadu dijalankan melibatkan pelbagai agensi di daerah ini pada awal pagi kelmarin bermula jam 3.30 pagi sehingga jam 10 pagi.

Ketua Polis Daerah, ACP Fadil Marsus berkata daripada jumlah itu seramai 39 orang telah ditahan dan hasil dokumentasi oleh Jabatan Imigresen seramai empat lelaki telah ditangkap selepas tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

Katanya, sebanyak 11 motosikal turut diperiksa dalam operasi itu yang melibatkan lapan pegawai dan 116 anggota pelbagai agensi menyasarkan dua lokasi iaitu Kg. Sungai Buaya dan Kg. Sri Aman Batu 3 Jalan Apas.


"Tujuan operasi ini adalah membuat pemotongan penyambungan bekalan

elektrik dan air secara haram, mengesan elemen pendatang asing tanpa izin (PATI), mencegah dan mengesan aktiviti jenayah," katanya.

Fadil berkata sepanjang operasi dijalankan tidak berlaku sebarang operasi yang tidak diingini dan berjalan dengan baik yang turut melakukan pemotongan bekalan elektrik dan air yang disambung secara haram.

Beliau dalam pada itu berharap agar orang ramai terus menyalurkan sebarang maklumat berkaitan sebarang aktiviti jenayah dan yang menyalahi undang-undang negara.

Antara agensi yang terlibat dalam operasi itu Kawasan Keselamatan Khas Timur Sabah (ESSCOOM), Suruhanjaya Tenaga, Sabah Electricity Sdn. Bhd (SESB), Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Jabatan Imigresen, Jabatan Air dan Jabatan Pendaftaran Negara.



ANTARA yang ditahan dalam operasi itu untuk proses dokumentasi.



SEORANG anggota SESB memeriksa sambungan bekalan elektrik dalam operasi itu.